



KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MERANGKUL ANUGERAH ANTARABANGSA BAGI PENGGUNAAN TEKNOLOGI CANGGIH BAGI REL DAN TRANSIT

***Anugerah ini mengiktiraf penggunaan teknologi
Pemodelan Maklumat Bangunan dalam pembinaan
MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya***

Singapura, 13 Oktober 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah memenangi anugerah berprestij untuk penggunaan Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling atau BIM) dalam Projek MRT Lembah Klang di *Be Inspired Awards 2017*.

Anugerah ini, dalam Kategori Kemajuan Rel dan Transit, mengiktiraf kejayaan penggunaan teknologi BIM dalam reka bentuk dan pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

MRT Corp berjaya mengatasi dua calon lain yang turut bertanding untuk kategori ini - China Railway Eryuan Engineering Group Co Ltd untuk penggunaan strategi BIM bagi Projek Kereta Api dari Dali ke Ruili, dan Jacobs/Zephyr UAS untuk pemetaan 42 batu bagi Koridor Rel Berkelajuan Tinggi California dengan menggunakan kenderaan udara tanpa pemandu.

Anugerah berprestij *Be Inspired* oleh Bentley Systems merupakan anugerah tahunan yang memberi penghargaan kepada pengguna sistem Bentley di atas kerja-kerja terunggul dalam usaha memajukan reka bentuk infrastruktur, pembinaan dan operasi di seluruh pelusuk dunia.

Anugerah tersebut disampaikan semasa majlis makan malam semalam, dan merupakan sebahagian daripada Persidangan "Year in Infrastructure 2017" yang diadakan dari 10 hingga 12 Oktober 2017 di Marina Bay Sands di sini.



Bentley Systems ialah sebuah syarikat yang memajukan perisian (software) yang menyokong keperluan profesional pengguna yang bertanggungjawab untuk mencipta dan mengurus infrastruktur, termasuk jalan raya, jambatan, lapangan terbang, bangunan pencakar langit, kilang industri dan janakuasa serta rangkaian utility, di seluruh dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar yang telah menerima anugerah itu bagi pihak organisasi berkata ini merupakan satu detik yang membanggakan bagi MRT Corp dan Malaysia setelah memenangi anugerah berprestij ini.

"Anugerah ini mengiktiraf Projek MRT Lembah Klang sebagai projek yang berada di depan dalam menerapkan teknologi maklumat yang terkini, bukan sahaja di rantau Asia tetapi di seluruh pelusuk dunia," ujar beliau setelah menerima anugerah.

Beliau berkata penggunaan BIM telah menghasilkan kecekapan dan ketepatan yang lebih baik dalam reka bentuk dan pembinaan Laluan SSP, yang akan membantu banyak penjimatan masa dan kos.

"Menerapkan teknologi yang serba canggih ini amat penting untuk memastikan Laluan SSP disiapkan tepat pada masa dan menepati kos sasaran," kata beliau.

Pada tahun ini, sejumlah 409 projek dari 52 negara telah dicalonkan untuk *Be Inspired Awards* di bawah pelbagai kategori. Pencalonan tersebut telah dinilai oleh 10 panel juri bebas terdiri daripada pakar industri yang terkenal.

Para finalis bagi setiap kategori telah membuat taklimat kepada panel hakim semasa persidangan sebelum penganugerahan. MRT Corp telah diwakili oleh Pengarah Perancangan dan Reka Bentuk Encik Poh Seng Tiok dan Timbalan Pengurus Besar Perancangan dan Reka Bentuk Encik Yeap Beow Heng.

Peringkat penggunaan BIM bagi pembinaan Laluan SSP bukan hanya dalam menggunakan pemodelan tiga-dimensi pintar untuk reka bentuk dan pembinaan – yang akan banyak mengurangkan konflik dalam reka bentuk – tetapi juga dalam kecekapan perkongsian aksesibiliti kepada data pemodelan oleh lebih 1,500 pengguna daripada pelbagai organisasi yang terlibat dalam projek ini tanpa sebarang kompromi dalam ketepatan.

Pada awal tahun ini, MRT Corp juga telah memenangi satu anugerah di Asia Geospatial Excellence Awards 2017 di bawah Kategori Infrastruktur Pengangkutan untuk pelaksanaan BIM Tahap 2 bagi reka bentuk dan pembinaan Laluan SSP.

Laluan SSP sepanjang 52.2km merupakan laluan kedua Projek MRT Lembah Klang yang dibangunkan. Laluan ini akan mempunyai 35 stesen, 11 daripadanya ialah stesen bawah tanah. Pada hujung September 2017, kemajuan pembinaan laluan berada di 15.2%.

-tamat/-




Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my

No	Pic	Kapsyen
1.		<p>Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Sri Shahril Mokhtar (tengah) menerima anugerah di Majlis Makan Malam Anugerah Be Inspired 2017 di Marina Bay Sands, Singapura. Bersama beliau dari kiri ialah: Naib Presiden Solusi Rel Bentley Systems Encik Jeremy Shaffer dan Pengarah Pemasaran Jalan Raya dan Industri Rel Bentley Systems Encik Steve Cockerell.</p>
2.		<p>Gambar berkumpulan terdiri daripada individu dari MRT Corp, MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd dan AECOM selepas majlis makan malam anugerah.</p>
3.		<p>Pengurus Kanan Perancangan dan Reka Bentuk Encik Aswadi Yusof (kiri) dan Penolong Pengurus Perancangan dan Reka Bentuk Encik Alif Ramli (tengah) semasa sesi beramah mesra Makan Tengah Hari bersama para finalis.</p>

4.		<p>Pengarah Perancangan dan Reka Bentuk Mr Poh Seng Tiok memberi gambaran keseluruhan penggunaan teknologi Pemodelan Maklumat Bangunan bagi Laluan SSP semasa penyampaian utama beliau.</p>
5.		<p>Timbalan Pengurus Besar Perancangan dan Reka Bentuk Encik Yeap Beow Heng menjelaskan tentang penggunaan Pemodelan Maklumat Bangunan dalam pembinaan Laluan SSP.</p>